

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PLG 425 - Pengantar Penyelidikan Pendidikan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 16 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

Jawab Soalan No. 1 dan DUA soalan lain.

...2/-

Soalan 1:

Sebahagian daripada laporan lengkap kajian, 'Pengaruh Ibu Terhadap Penghargaan Kendiri Anaknya' disediakan di bawah ini untuk menjawab soalan (a) hingga (k). Anda dikehendaki menjawab secara rengkas dan padat.

PENGARUH IBU TERHADAP PENGHARGAAN KENDIRI ANAKNYA**PENDAHULUAN**

Keluarga merupakan satu unit sosial, iaitu satu kelompok yang mempunyai lebih daripada seorang ahli yang ada hubungan darah atau pun hubungan perkahwinan. Perkembangan tingkah laku dan motivasi pencapaian bermula di peringkat awal. Banyak teori seperti teori Budler, Eriksen, Freud dan Piaget menyokong kenyataan ini, iaitu pengalaman peringkat awal akan mempengaruhi masa depan kanak-kanak. Ibu bapa ialah orang yang mempunyai pengaruh yang lebih kuat di peringkat awal perkembangan kanak-kanak. Dalam satu kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat sebanyak 30% daripada penghargaan diri kanak-kanak telah pun hilang sebelum mereka menjejak bangku sekolah. Perhubungan ibu bapa adalah sangat penting bagi pengembangan corak pencapaian dan penghargaan diri anak-anak mereka.

Penghargaan diri merujuk kepada persepsi individu terhadap nilainya sendiri. Ia merangkumi keyakinan kendiri dan penghormatan kendiri. Persepsi ini dibentuk daripada peringkat awal kanak-kanak dan ia menjadi agak stabil dan sukar diubah apabila umur kanak-kanak tersebut meningkat. Agak sukar hendak menilai seseorang sama ada ia mempunyai penghargaan diri yang tinggi atau pun rendah. Setengah skala seperti skala yang disediakan oleh Battle (1976, 1981) mengandungi beberapa item yang menguji daya ketahanan diri seseorang. Tetapi ia juga tidak mantap dan tepat dalam keadaan yang sebenar. Masalah ini ialah disebabkan kita menghadapi kelompok manusia yang mempunyai pemikiran yang tinggi serta keperluan yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun perbezaan yang besar boleh dilihat melalui tingkah laku seseorang yang mempunyai penghargaan diri yang tinggi dibanding dengan seseorang yang mempunyai penghargaan diri yang rendah.

Penghargaan kendiri akan dipengaruhi oleh pengalaman awal, sosio ekonomi, ibu bapa dan rakan sebaya. Pencapaian kendiri yang rendah, biasanya datang daripada keluarga yang mempunyai sosio ekonomi yang rendah, iaitu pendapatan yang rendah dan tempat tinggal yang tidak selesa, dan mempunyai adik beradik yang ramai serta ibu yang bekerja. Manakala kanak-kanak yang pencapaiannya tinggi biasanya datang daripada keluarga yang mempunyai keluarga asas iaitu yang mempunyai keluarga yang sedikit. Dalam kajian Coopersmith, ibu yang bekerja tidak semestinya merendahkan penghargaan diri anak mereka.

PEMASALAHAN DAN TUJUAN

Kebanyakan kanak-kanak mengalami masalah pembelajaran mereka di dalam sekolah. Daripada kajian Yendall (1977), 78% kanak-kanak mempunyai masalah pembelajaran kerana penghargaan diri mereka yang rendah. Walaupun terdapat perhubungan ibu bapa masih baik tetapi mereka masih menghadapi kegagalan untuk mengubah penghargaan diri anak-anak mereka. Ini adalah disebabkan kekurangan langkah-langkah dan teknik-teknik yang berkesan untuk memperbaiki penghargaan diri mereka. Pada masa kini, kita masih menggunakan teknik lama seperti menolong pelajar menyesuaikan diri di dalam bilik darjah, bilik sumber atau tiusyen secara individu. Teknik ini dijalankan sudah begitu lama dan sampai hari ini perubahan yang positif masih tidak dapat diperolehi. Sebenarnya kita tidak dapat mengubah pencapaian seseorang sehingga kita dapat meminda persepsi orang itu terhadap dirinya sendiri. Oleh yang demikian sudahlah sampai masanya untuk kita melihat keadaan dan sikap ibu bapa yang menghasilkan penghargaan diri anak-anak mereka sedemikian rupa hingga mengakibatkan pencapaian pelajaran yang mereka perolehi juga berbeza-beza.

KAEDAH

INSTRUMENT

Soal selidik yang disediakan mengandungi 80 item yang diambil daripada 'Parent Attitude Research Instrument' (PARI) yang disediakan oleh Bell dan Schaefer pada tahun 1958. Skala PARI ini merupakan satu peralatan untuk melihat dan mempelajari sifat-sifat ibu bapa dan interaksi di antara anak-anak mereka. Ibu perlu menjawab soalan secara tersendiri di dalam rumah masing-masing.

...4/-

Item yang disediakan memerlukan mereka menjawab setuju atau tidak setuju mengenai pernyataan yang ditanya berkaitan dengan tingkah laku mereka semasa mendidik anak mereka. Lapan puluh item ini adalah berkaitan dengan pembentukan penghargaan diri. Item ini dipilih melalui analisis konsep yang difokuskan kepada kejayaan, nilai, aspirasi, ketahanan, lambang spesifik dan pengalaman yang mempunyai perkaitan dengan konsep tersebut. Item-item ini disusun secara edaran pusingan iaitu dibahagi kepada 14 subskala. Empat belas subskala ini dibahagikan pula kepada 3 unit yang dirumuskan oleh Balwin dan Shoben berdasarkan tingkah laku ibu bapa. Dua skala iaitu 'kesimbangan' dan 'mempercepatkan pengembangan' mempunyai 10 item dan tiap-tiap skala yang lain mempunyai 5 item.

SAMPEL KAJIAN

Ibu kepada semua murid yang mengikuti pelajaran di Tingkatan 2 daripada salah sebuah sekolah dipilih untuk menjadi sampel kajian ini. Kelas ini mempunyai 32 orang pelajar dan ibu mereka dipilih menjadi respondent. Selepas seminggu, 31 kertas soal selidik dikembalikan iaitu 96.9% respondent menjawab sebahagian besar soalan seperti yang disenaraikan di lampiran B. Latar belakang seperti nama ibu bapa, umur, taraf pendidikan, pekerjaan dan agama juga dikumpulkan daripada Bahagian 'A' soal selidik yang sama. Pekerjaan bapa digunakan untuk mengumpulkan maklumat mengenai kedudukan sosio ekonomi mereka dan taraf pendidikan ibu bapa biasanya mempengaruhi pendidikan anak mereka. Agama, iaitu kepercayaan ibu bapa mereka biasanya mempengaruhi nilai dan norma mereka. Biasanya perkara ini akan memberi kesan ke atas pendidikan moral kanak-kanak tersebut dan akhirnya mempengaruhi penghargaan diri mereka. ~

CARA MENJALANKAN KAJIAN

Maklumat dikumpulkan melalui dua cara iaitu:

(i) Berdasarkan soal selidik

Ibu pelajar menjawab soalan-soalan dari soal selidik yang mengandungi 80 item di rumah mereka. Mereka hanya menjawab setuju atau tidak setuju mengenai pernyataan yang disoal. Jawapan dibahagikan kepada 4 jenis iaitu 'A' kalau sangat setuju, 'B' setuju, 'C' tidak setuju dan 'D' tidak begitu setuju.

...5/-

Tidak ada jawapan yang betul atau salah bagi setiap pernyataan yang disediakan. Sebaik-baiknya mereka diperlukan menjawab soalan dalam masa tidak melebihi 60 minit.

- (ii) Berdasarkan keputusan pencapaian UPSR pelajar-pelajar diperolehi.

ANALISIS DAN KEPUTUSAN

Mengasingkan pengaruh luar

Lebih kurang separuh daripada ibu-ibu pelajar bersetuju kepada kehendak soalan 2, 8 dan 50. Tetapi bagi soalan 34, terdapat 70.9% ibu yang setujukan kenyataan itu. Bagi soalan 66, terdapat 67.7% sangat setuju dan 32.3% setuju. Item ini ialah tentang menjaga anak mereka daripada pengaruh luar yang mempunyai nilai bercanggah dengan nilai mereka. Semua ibu perlu mengawal kawan-kawan yang mungkin memepengaruhi anak mereka.

Jadual 1 : Mengasingkan Pengaruh Luar

Soalan \ Pilihan	%A	%B	%C	%D
2	12.9	32.3	32.3	22.6
18	22.6	32.3	38.7	6.4
34	29.0	41.9	22.6	6.4
50	19.4	32.3	32.3	16.1
66	67.7	32.3	-	-

Keseimbangan

Jadual (2) menunjukkan 90.3% ibu kepada responden bersetuju untuk mendapat penghormatan daripada anak mereka. Ini menunjukkan unsur-unsur demokrasi diamalkan semasa mendidik anak mereka. Soalan 20 juga menunjukkan keseimbangan, iaitu 96.8% ibu setuju perlu bersikap adil terhadap anak mereka. Soalan 36 pula yang mengatakan kanak-kanak jarang mempunyai pendapat yang rasional. Pendapat mereka selalu dianggap tidak penting. Didapati 77.4% ibu tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Tetapi bagi soalan 51, lebih daripada 61.3% ibu setuju kenyataan bahawa cita-cita kanak-kanak tidak boleh bercanggah dengan kemahuan ibu bapa mereka. Ini sama dengan soalan 68 iaitu 74.2% ibu setuju bahawa anak mereka tidak dibenarkan membuat perkara yang tidak disetujui oleh ibu bapa mereka. Secara keseluruhan, didapati bahawa ibu kanak-kanak cuba memberi layanan yang lebih adil dan demokrasi kepada anak mereka.

Jadual 2 : Keseimbangan

Soalan \ Pilihan	%A	%B	%C	%D	% Tidak menjawab
3	12.9	32.3	32.3	6.4	3.2
4	57.6	38.7	6.4	3.2	0.0
19	0.0	35.5	38.7	16.1	9.7
20	64.5	32.3	3.2	0.0	0.0
35	48.4	35.5	16.1	0.0	0.0
36	0.0	19.4	41.9	35.5	3.2
51	12.9	48.4	29.0	9.7	0.0
52	22.6	29.0	38.7	9.7	0.0
67	22.6	41.9	32.3	3.2	0.0
68	29.0	45.2	16.1	6.4	3.2

Bertukar-tukar Fikiran Antara Ibu Dan Pelajar-Pelajar

Pada keseluruhannya didapati hampir semua ibu setuju yang mereka perlu bersama dan berkongsi pendapat bagi semua perkara yang melibatkan dengan anak-anak mereka. Ibu bapa perlu menjadi kawan kepada anak mereka dan sentiasa mendengar masalah atau mengetahui perkara-perkara yang ada kaitan dengan anak mereka. Bagi soalan 5, dengan sebulat suara ibu pelajar-pelajar bersetuju perlunya mereka mengambil berat terhadap usaha anak mereka dan dengan ini anak mereka akan menunjukkan tingkah laku yang lebih baik di masa akan datang.

Daripada jawapan yang dikumpulkan di atas, satu rumusan boleh dibuat iaitu, didapati ibu-ibu yang dikaji lebih bersikap demokrasi terhadap anak mereka, walaupun sikap ini tidak begitu kuat (ramai menjawab setuju daripada sangat setuju).

Jadual 3 : Ibu sebagai Kawan dan untuk Bertukar-tukar Fikiran

Soalan \ Pilihan	%A	%B	%C	%D	% Tidak menjawab
5	71.0	29.0	0.0	0.0	0.0
21	48.4	41.9	6.4	0.0	3.2
37	45.2	48.4	6.4	0.0	0.0
53	48.4	45.2	6.4	0.0	0.0
69	25.8	51.6	12.9	9.7	0.0

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Secara umum, pelajar tingkatan 2 yang dikaji mempunyai kurang keyakinan diri terhadap kebolehan mereka. Melalui pertanyaan, ramai pelajar tidak yakin yang mereka boleh mencapai kejayaan yang cemerlang seperti memasuki universiti. Cita-cita mereka juga tidak tinggi, iaitu mereka ragu-ragu tentang apa yang mereka boleh buat. Cara pembelajaran mereka juga tidak memuaskan. Mereka lebih berminat kepada penyanyi yang kacak daripada menceburi ilmu pengetahuan.

Ini dapat diperhatikan semasa waktu lapang, mereka suka melukis muka penyanyi lebih daripada membuat atau menyelesaikan masalah akademik.

...8/-

Selepas mengkaji 80 item didapati penghargaan diri ibu mereka adalah sederhana dan mereka suka menggunakan teknik lama untuk mendidik anak mereka. Daripada sistem pendidikan ini anak mereka juga mempunyai penghargaan diri yang sederhana dan rendah. Untuk meningkatkan pencapaian anak mereka, teknik inkuiri, iaitu kaedah yang melibatkan diri seperti melalui memain peranan bolehlah digunakan. Contohnya, kalau anak mereka bersungut ibu mereka mengawal mereka terlalu ketat, ibu boleh menukar peranan mereka dan bertanyakan apa perasaan mereka jikalau mereka mendapat anak seperti itu.

Ibu yang mempunyai penghargaan diri yang tinggi selalunya mempunyai anak yang juga mempunyai penghargaan diri yang tinggi dan biasanya juga mempunyai pencapaian yang tinggi. Jadi ibu patut mempunyai keyakinan diri bahawa mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Dari segi nilai dan tingkah laku ibu bapa mestilah juga sepadan dengan kehendak anak-anak mereka. Jangan bersikap, 'ikut apa yang saya cakap jangan ikut apa yang saya buat'.

Ibu mesti menerima peranan yang mereka mainkan sebagai seorang ahli keluarga yang bertanggungjawab. Jangan ada sikap bahawa saya mempunyai sumbangan yang lebih ke atas keluarga, jadi saya mempunyai kuasa mengawal dan tidak boleh dikritik. Interaksi di antara ibu bapa mestilah baik dan mesra. Bagi seorang ibu yang penghargaan dirinya tinggi ia sepatutnya lebih mesra dengan suaminya. Seorang ibu hendaklah cuba menggalakkan prestasi suami dan membiarkan anak mengadakan perhubungan yang lebih erat dengan bapanya.

Seperti yang diperkatakan terdahulu daripada ini, ibu yang bekerja tidak semestinya cuba merendah-rendahkan pencapaian anak mereka. Tetapi ibu yang bersifat penyayang serta biasa berbaik dan berkongsi semua perkara manis dan pahit dengan anak mereka adalah menjadi lebih penting. Anak mereka lebih senang memberitahu ibu mereka apakah masalah yang mereka hadapai dan sentiasa meminta pertolongan serta nasihat. Ini merupakan satu cara yang lebih berkesan daripada mengganggu pemikiran mereka. Pendek kata kalau seorang anak mempunyai sebuah keluarga yang bahagia dan ibubapa pula seorang yang bersifat penyayang maka mereka akan menunjukkan penghargaan diri yang tinggi dan seterusnya akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian ini agak berjaya memberi satu garis panduan kepada pelajar-pelajar tingkatan 2. Untuk mempertingkatkan pencapaian mereka selain daripada pengaruh faktor ibu atau keluarga, faktor-faktor lain seperti guru, rakan sebaya, dan kebudayaan sekolah juga perlu dipertimbangkan supaya pengajaran dan pembelajaran mereka akan menjadi lebih berkesan.

Bibliografi:

1. Coopersmith S. (1967). The antecedents of self-esteem, San Francisco: Freeman and Company.
2. Battle, James (1962). Enhancing self-esteem and achievement: Special Publication.
3. Samuels Sairley C. (1977). Enhancing self-concept in early childhood, Human Sciences Press.
4. Fahmi Mustafa (1976). Saikologi Kanak-kanak dan Rumaja Pustaka Aman Press: Kuala Lumpur.
5. Othman H.W.H. (1990). Asas bimbingan individu dan keluarga, Kuala Trengganu: Yayasan Bimbingan Keluarga.

SOALAN

- (a) Baca tujuan kajian ini. Berikan tajuk yang lebih sesuai kepada laporan ini berdasarkan tujuan yang disediakan.
- (b) Baiki dan tuliskan tujuan kajian ini. Jika anda dikehendaki menulis hipotesis bagi tujuan kajian ini bagaimana dan kenapa hipotesis ini diperlukan. Tuliskan satu hipotesis yang bersifat nol (kosong) dan lagi satu yang bersifat alternatif bagi salah satu tujuan spesifik yang anda baiki.

- (c) Cooper telah mencadangkan enam perkara penting yang harus diambil perhatian oleh setiap penyelidik semasa menyediakan kajian bacaan (review of literature). Sejauhmana keenam-enam perkara yang dicadangkan oleh Cooper diamalkan oleh penulis laporan ini. Senaraikan juga perkara-perkara yang tidak dilaporkan.
- (d) Kenapakah definisi operasi (operasional) perlu untuk kajian ini? Senaraikan perkataan-perkataan atau pun rangkaian perkataan-perkataan yang perlu didefinisikan penyelidik.
- (e) Apakah jenis persampelan yang digunakan oleh penyelidik ini? Kenapa ia memilih cara ini? Kepada populasi sasaran yang manakah keputusan kajian ini hendak digeneralisasikan?
- (f) Jika anda dikehendaki membuat satu kajian taburan norma bagi salah satu daripada sub-skala ciri-ciri penghargaan diri yang dilaporkan dalam keputusan kajian ini apakah analisis statistik yang anda perlukan. Pilih satu daripada data yang terdapat dalam Jadual yang ada dalam laporan ini. Dapatkan nilai-nilai yang berkaitan untuk mendapatkan taburan norma dan lakarkan graf yang terdapat hasil daripada analisis tersebut.
- (g) Jika kajian ini bertujuan untuk meramalkan beberapa faktor yang ada kaitannya dengan penghargaan kendiri murid-murid yang manakah yang dikatakan pembolehubah-pembolehubah kriteria dan yang mana pula pembolehubah-pembolehubah organismik? Kenapa kajian ini tidak mempunyai pembolehubah bersandar dan yang tidak bersandar?
- (h) Adakah perbincangan dan candangan yang dituliskan dalam laporan ini sesuai dengan tujuan, dapatan dan masalah yang dipertengahkan? Kenapa ia sesuai atau pun tidak sesuai?
- (i) Jika anda diberi peluang untuk menjalankan kajian yang mempunyai tajuk yang sama iaitu 'Pengaruh ibu terhadap penghargaan kendiri anaknya' apakah jenis rekabentuk kajian yang akan anda pilih? Dengan secara lengkas jelaskan rekabentuknya.
- (k) Tulis semula rumusan kajian ini?

[40 markah]

...11/-

Soalan 2

Gunakan Daftar Data Responden N = 31 untuk menjawab soalan 2 (e)

- (a) "Seorang pelajar yang berangka giliran 50 mendapat kedudukan nombor lima dalam tingkatan dan memperolehi I.Q. 140 semasa ia berumur 13 tahun."

Komen jenis skala pengukuran yang bergaris dalam ayat yang di atas mengikut empat jenis skala pengukuran yang selalu digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan. Berikan sebab-sebab kenapa komen anda demikian.

- (b) Bolehkah kita tukarkan data kategori (diskret) kepada data selanjar dan sebaliknya.

Beri alasan-alasan kenapa anda berpendapat demikian.

- (c) Kebanyakkan kajian yang biasa digunakan di Malaysia menggunakan analisis Ujian-T.

Berikan satu contoh kajian yang sering menggunakan statistik Ujian-T. Berikan sedikit penjelasan anda kenapa kajian tersebut perlu menggunakan Ujian-T.

- (d) Apakah maksud dan kegunaan nilai aras keertian seperti 0.05, 0.01, dsbnya.

- (e) Pilih 10 responden daripada populasi yang terdiri daripada 31 pelajar yang disenaraikan dalam Daftar Data Responden yang disediakan. Gunakan nombor rawak yang disediakan untuk mendapatkan sampel tersebut. Anda dikehendaki memulakan dengan nombor yang dibulatkan untuk mendapatkan nombor responden yang pertama.

- (f) Dapatkan nilai ralat piawaian bagi sampel yang anda pilih dengan menggunakan rumus:

$$\text{Ralat Piawai} = \sqrt{\frac{p(1-p)}{n}}$$

...12/-

- (g) Berapakah jumlah minimum sampel yang diperlukan untuk mendapatkan ralat piawaian bersamaan 0.03 jika sampel tersebut diambil daripada populasi yang besar atau pun yang terdiri daripada ahli-ahli yang hampir seragam. Gunakan rumus yang sama seperti di atas (soalan f).

(h) Berapa besarkah sampel yang perlu diambil bagi kajian yang menggunakan Ujian-T, Pearson-R, regresi berganda, analisis pembezalayan, khi kuasa dua sehala, pekali kontingesi dan analisis faktor.

[30 markah]

Soalan 3

Gunakan Daftar Data Responden untuk menjawab soalan (d) dan (e)

- (a) Dapatkan nilai kebolehpercayaan antara pemerhati (inter-observer reliability) dari data hasil daripada pemerhati 'A' dengan menggunakan data hasil pemerhati B yang dikumpulkan dalam masa yang sama. Tentukan dasar pemerhatian anda sama ada mengira apa yang berlaku atau pun yang tidak berlaku sebelum anda mengira nilai pekali kebolehpercayaan yang dikehendaki.

Gunakan rumus:

$$\% \text{ kebolehpercayaan} = \frac{P}{P + T} \times 100$$

Selangor: 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20

Pemerhati A: x x x x x x x x x x

Pemerhati B: x x x x x x x x x x x x x x


Selang: | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 | 32 | 33 | 34 | 35 | 36 | 37 | 38 | 39 | 40 |

Pemerhati A: | x | x | | x | x | | x | | | x | | | x | x | x | | x | x | x |

Pemerhati B : | x | x | | x | | x | x | | | | x | | | x | x | x | | x | x |

- (b) Dengan secara lengkap jelaskan kelapan-lapan langkah untuk menjalankan pemerhatian mengikut sistem yang lengkap seperti yang diutarakan oleh Jackson, Della Piana dan Sloane (1975).

- (c) Apakah maksud garis tapak (baseline), eksperimen I, 'pemalikan' (reveral) dan eksperimen II. Tafsir danuraikan graf yang berikut:



- (d) Hasil daripada kajian yang lalu ada sarjana yang berpendapat bahawa ada pertalian di antara pencapaian pelajar-pelajar dengan skor penghargaan diri mereka. Dapatkan nilai pekali pertalian di antara kedua-dua pembolehubah ini dengan memilih 5 responden dari daftar data responden yang disediakan dengan cara bersistem. Setelah anda memilih 5 responden tersebut dapatkan pekali korelasi Pearson bagi pertalian di antara skor penghargaan diri dengan skor pencapaian.

[30 markah]

Soalan 4


- (a) Apakah kelebihan rekabentuk kajian kes sekali (one-shot) iaitu rekabentuk kajian yang boleh dirumuskan seperti rajah berikut:

X O

...14/-

- 14 -

- (b) Beri sebab-sebab kenapa rekabentuk eksperimen kumpulan kawalan pasca ujian (ujian akhir) dianggap jauh lebih baik daripada rekabentuk kajian kes sekali (one-short). Rajah lakaran bagi rekabentuk kumpulan kawalan pasca ujian adalah seperti berikut:



- (c) Ceritakan dengan lengkap bagaimana anda menjalankan kajian siri masa yang dimulakan dengan tiga pemerhatian sebelum pendedahan dan empat lagi pemerhatian setelah pendedahan seperti yang ditunjukkan dalam rajah yang berikut:

O	O	O	X	O	O	O	O
1	2	3		4	5	6	7

Bagaimanakah anda dapat menafsirkan data yang diperoleh itu benar-benar memberi perubahan disebabkan pengaruh pendedahan, X.

[30 markah]

Soalan 5

Penyelidikan tindakan dianggap sebagai satu bidang inkuiri yang menitikberatkan renungan kendiri (self-reflective) yang dilakukan oleh seorang atau sekumpulan penyelidik yang bekerjasama dalam sesuatu keadaan dengan bertujuan untuk mengatahui

- (i) sebab atau rasional terjadinya sesuatu hasil daripada amalan-amalan yang lalu dan yang berkaitan dengan pendidikan.
- (ii) pemahaman mereka tentang amalan-amalan yang mereka lalui, dan
- (iii) keadaan di mana amalan-amalan tersebut dilakukan.

Apakah maksud 'kumpulan penyelidik' di atas?

Apakah ciri-ciri perbezaan dan persamaan di antara penyelidikan tindakan dengan kajian fenomenologi ATAU PUN Ex-post-facto yang bercorak kualitatif ATAU PUN penyelidikan berpenyertaan (participatory research). Jelaskan juga perbezaan prosedur untuk menjalani kedua-dua kajian yang dipilih.

[30 markah]

- ooooooo -